

11 MAY 2003

Schroeder-Tiba (Bergambar)/I

SCHROEDER TIBA BAGI LAWATAN TIGA HARI

SEPANG, 11 Mei (Bernama) -- Canselor Jerman Gerhard Schroeder tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, petang ini, untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

Schroeder yang mengetuai satu delegasi 17-anggota merupakan Canselor Jerman yang pertama untuk melawat Malaysia.

Ketibaan beliau di Kompleks Bunga Raya VVIP disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar. Turut hadir ialah 50 penuntut dari Sekolah Jerman di Kuala Lumpur.

Selain daripada Malaysia, Schroeder juga dijadualkan singgah di Singapura, Jakarta dan Hanoi semasa lawatan enam hari beliau ke Asia Tenggara.

Esok, Schroeder akan menerima sambutan rasmi di Dataran Perdana di Putrajaya sebelum bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini akan disusuli dengan pertemuan tertutup antara Dr Mahathir dan delegasi Jerman yang termasuk Menteri Ekonomi dan Buruh Wolfgang Clement dan Pengerusi Jawatankuasa Industri Jerman Bagi Asia Pasifik Heinrich von Pierer.

Schroeder kemudian dijangka menerima kunjungan hormat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Schroeder juga dijangka merasmikan Pusat Serantau Siemens di Menara Berkembar Petronas.

Pada sebelah tengah hari, beliau akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Pada sebelah malam, Schroeder dijadual menghadiri satu bankuet yang dianjurkan oleh Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya.

Sementara itu Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu pemberita, Schroeder gembira kerana mendapat peluang untuk datang ke Malaysia.

Lawatan itu kata Schroeder sangat bermakna kerana beliau dapat bertemu dengan Dr Mahathir yang akan bersara daripada jawatan beliau pada Oktober ini.

Syed Hamid berkata perkara itu telah dinyatakan kepada beliau oleh Canselor Jerman itu semasa beliau menyambut kedatangannya.

Schroeder juga gembira dengan lawatan Dr Mahathir ke Jerman baru-baru ini dan yakin lawatan balas ini akan mempertingkatkan lagi hubungan antara Malaysia dan Jerman.

Beliau juga berkata, Schroeder gembira dengan semua program yang telah diatur.

Lawatan itu juga dijangka membuka peluang bagi Schroeder dan delegasinya untuk mengadakan perbincangan bersama Menteri-menteri Malaysia dan juga untuk melihat sendiri beberapa daripada pelaburan Jerman di negara ini.

-- BERNAMA

NM HK PR